

**Manifesto BN Usaha Capai Kecemerlangan Pendidikan Negara
Bernama
11 April, 2013**

PAGOH, 11 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata 18 perkara di bawah tajuk pendidikan yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional untuk pilihan raya umum ke-13 (PRU13) ialah usaha untuk mencapai kecemerlangan pendidikan negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata aku janji pendidikan itu mensasarkan untuk membawa Malaysia ke tahap 'kategori tiga teratas' dalam sistem pendidikan terbaik dunia.

"Di bawah manifesto itu kita (Barisan Nasional) menjanjikan akan ada kerjaya yang lebih baik kepada 420,000 guru supaya mereka mendapat pembelaan yang secukupnya," katanya.

Bagi mengurangkan beban para guru, lebih ramai pembantu pentadbiran akan diambil agar guru tidak perlu lagi melakukan tugas-tugas pentadbiran di sekolah dan menumpukan pengajaran pelajar, kata Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran kepada pemberita selepas majlis perasmian bangunan baharu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Lanodron di Panchor di sini Khamis.

Beliau berkata kerajaan juga akan berusaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dengan melatih guru yang mengajar subjek itu di samping mewajibkan pelajar lulus subjek itu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula 2016.

Muhyiddin berkata peluang pelajar menyambung pelajaran dalam bidang vokasional daripada 10 peratus pada masa ini kepada 20 peratus, juga diberi penekanan supaya lebih ramai pelajar yang cenderung dalam bidang berkenaan mendapat peluang pendidikan.

Kerajaan juga akan memberikan peruntukan pembangunan tetap setiap tahun kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil (SJKC/SJKT) bagi menambah baik keadaan sekolah.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan merangka kurikulum baharu mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC dan SJKT yang lebih bersesuaian dengan standard penerimaan murid di sekolah berkenaan.

Langkah itu dibuat berikutan input daripada pelbagai pihak bahawa standard bagi pembelajaran dan pengajaran subjek itu pada masa ini terlalu tinggi, katanya.

"Kita akan rangka kurikulum lebih sesuai sebab sekolah Cina kata standard Bahasa Malaysia terlalu tinggi dan susah hendak faham. Kurikulum baharu itu nanti kita turunkan sedikit dan dirangka bersesuaian dengan keupayaan mereka supaya lebih mudah dikuasai," katanya.

Ini bertujuan apabila pelajar itu masuk ke sekolah menengah, di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mereka sudah dapat menguasai bahasa kebangsaan dengan baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941273>

